



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**  
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan  
No.5, Persiaran Perdana  
Presint 2  
**62592 PUTRAJAYA**  
Tel. : 03-88823333  
Telefaks : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242  
Laman Web : [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)

KK/eP (S) 10/ 656/ 6 Jld. 2 ( 26 )

7 April 2009

Ketua Setiausaha Negara  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y.Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan

### **Pelaksanaan Sekurang-Kurangnya 70% Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, pada masa ini, Kementerian Kewangan telah pun mengadakan modul Pendaftaran Pembekal dan mengeluarkan peraturan mengenai perolehan secara elektronik bagi Kontrak Pusat Perbendaharaan, Kontrak Kementerian, Pembelian Terus, Sebut Harga, Tender dan *eBidding*. Semua PTJ yang telah *eP enabled* dikehendaki menggunakan sistem ePerolehan (eP) untuk tujuan perolehan bekalan dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, urusan perolehan hendaklah dilakukan dengan pembekal yang *eP enabled* dan mempunyai katalog barangan/perkhidmatan di dalam sistem eP.

3. Selaras dengan matlamat kerajaan bagi meningkatkan lagi pelaksanaan perolehan melalui sistem eP, semua PTJ yang *eP enabled* hendaklah memastikan sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah peruntukan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan perunding) dilaksanakan melalui sistem eP. Peruntukan tahunan yang dimaksudkan adalah peruntukan bagi bekalan dan perkhidmatan daripada peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan yang telah diluluskan untuk tahun berkenaan.

4. Sehubungan itu Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah membuat perancangan perolehan tahunan yang teliti dan bertanggungjawab supaya arahan ini dipatuhi sepenuhnya. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pegawai dan kakitangan diberi pendedahan dan latihan secukupnya supaya perolehan melalui sistem eP dapat dilaksanakan secara lancar dan berterusan. Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan adalah dikehendaki memantau pelaksanaan arahan ini.

**SULIT**

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai arahan ini, Kementerian/Jabatan boleh merujuk kepada pihak berikut :


Pengarah Projek  
Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan  
Blok Helang, Villa & Kompleks Pejabat  
Cyberview Gardens  
63000 Cyberjaya, Selangor  
No. Tel : 03 – 83127270  
No. Faks : 03 – 83127271/7181  
e-Mel : bantuanep@eperolehan.gov.my

6. Peraturan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)

s.k. Ketua Audit Negara Malaysia  
Akauntan Negara Malaysia